



أونيورسiti مليسيا قبیع السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

# Majlis **AMANAT** **NAIB CANSELOR**

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
KEPERIBADIAN UNGGUL & KELESTARIAN HIKMAH

**20  
24**

16 Februari 2024 (Jumaat)

9.00 Pagi

Dewan Astaka, UMPSA Kampus Gambang





*Majlis*  
**AMANAT  
NAIB  
CANSELOR**

PROFESOR DATO' TS. DR.  
YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

**20  
24**

KEPERIBADIAN UNGGUL  
& KELESTARIAN HIKMAH

**16 Februari 2024  
(Jumaat)**

9.00 Pagi  
Dewan Astaka, UMPSA Kampus Gambang

# Isi Kandungan

Pendahuluan	4
Analisis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi	5
Pencapaian Amanat Naib Canselor 2023	7
Sorotan Pencapaian 2023	13
<b>Iltizam Pertama:</b> Keunggulan Akademia dan Kemampunan Pengurusan	18
<b>Iltizam Kedua:</b> Keunggulan Mahasiswa Rentas	21
<b>Iltizam Ketiga:</b> Melestarikan Program Akademik	25
<b>Iltizam Keempat:</b> Merekayasa TVET Termaju	27
<b>Iltizam Kelima:</b> Melestarikan Citra Ilmu	29
<b>Iltizam Keenam:</b> Melestarikan Ekosistem Kondusif	32
Penutup	42

## 'KEPERIBADIAN UNGGUL DAN KELESTARIAN HIKMAH'

Bismillahhirrahm nirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih saudari pengacara majlis. Yang saya hormati, rakan-rakan pengurusan tertinggi universiti, penolong-penolong naib canselor, dekan-dekan, pengarah-pengarah dan ketua-ketua Pusat Tanggungjawab; ketua-ketua pegawai eksekutif anak-anak syarikat UMPSA; presiden-presiden persatuan di UMPSA; Yang di-Pertua dan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar; Seterusnya warga kerja dan mahasiswa yang dikasihi sekalian;

Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya berpeluang untuk bertemu dengan warga Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) untuk menyampaikan amanat saya untuk tahun 2024 pada pagi ini.

Justeru, saya ingin terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh warga kerja dan mahasiswa UMPSA yang menyertai sesi amanat pada pagi ini.



## Analisis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi

Saya pasti, kita juga telah sama-sama mengamati Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir pada 12 Januari 2024 lalu menerusi lima (5) fokus utama iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara, Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program

Pemindahan dan Perkongsian Ilmu, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi, dan Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

Hadirin sekalian,

Amanat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi itu menekankan kepada lima (5) fokus utama bertujuan bagi meningkatkan kualiti pendidikan tinggi di

Malaysia. Inisiatif-inisiatif ini dirancang untuk memastikan Malaysia terus bergerak ke hadapan dalam bidang pendidikan, penyelidikan, dan inovasi, serta memperkuat posisinya dalam arena pendidikan tinggi global.

Secara keseluruhan, Amanat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi itu mencerminkan komitmen Malaysia untuk terus meningkatkan kualiti pendidikan tinggi dan mempersiapkan generasi akan datang dengan kemampuan yang diperlukan untuk bersaing secara efektif pada peringkat nasional maupun global. Oleh yang demikian, keberhasilan UMPSA dalam mengimplementasikan kelima-lima fokus utama ini amat diperlukan sebagai kunci bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk mencapai visi pendidikan tinggi yang *'inclusive'*, *'sustainable'*, dan *'future-oriented'*.

Walau bagaimanapun, sebagai institusi keilmuan dengan kesarjanaan yang dimiliki, kita mengambil langkah proaktif bagi mendepani cabaran ini dengan mempersiapkan diri dengan menerokai bidang-bidang kritikal yang terkesan dengan

cabaran global. Melalui amanat yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri KPT, akan saya petakan melalui amanat yang akan saya sampaikan sebentar lagi.

---

Sehubungan itu, pada hari ini saya berhasrat untuk merencana hala tuju bagi meneruskan iltizam agenda kecemerlangan universiti ini menjadi sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2050 melalui tema amanat saya pada tahun ini iaitu '**Keperibadian Unggul dan Kelestarian Hikmah**'.

---

## **Analisis Pencapaian Amanat Naib Canselor 2023**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum saya membentangkan amanat bagi tahun 2024, sukalah saya membawa perhatian hadirin sekalian untuk mengimbas pencapaian lapan (8) iltizam amanat saya pada tahun 2023 yang lalu. Menerusi iltizam pertama: Memacu Pendidikan TVET, terdapat tiga (3) inisiatif yang telah dilaksanakan iaitu:

**Inisiatif Pertama:** Semakan semula program akademik bersesuaian dengan keperluan program berdasarkan TVET. Sebanyak 32 program daripada 54 program telah selesai disemak semula. Inisiatif ini akan diteruskan sehingga selesai semakan 54 buah program tersebut.

**Inisiatif Kedua:** Mewujudkan lebih banyak program akademik baharu yang berdasarkan



TVET dengan pencapaian pembangunan fasa awal fasiliti BTech telah dilaksanakan bagi memperkasakan ekosistem TVET Termaju 2030. UMPSA juga bakal bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS) serta menyasarkan dua (2) program TVET Borneo pada tahun 2024.

# AMANAT NAIB CANSELOR

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN  
KEPERIBADIAN UNGGUL & KELESTARIAN HIKMAH

# 20 24

16 Februari 2024 (Jumaat)

9.00 Pagi

Dewan Astaka, UMPSA Kampus Gambang



Inisiatif Ketiga: Membangunkan mekanisme pengukuran baharu bagi mengukur pelaksanaan program akademik berdasarkan TVET yang mana program akademik berdasarkan TVET akan memperoleh satu (1) ijazah sarjana muda dan satu (1) sijil kompetensi sebagai nilai tambah. Malah, Unit Jaminan Kualiti Akademik juga telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan kualiti akademik secara holistik.

**Iltizam Kedua:** Pemerksaan Mahasiswa. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah iltizam ini iaitu:

- I. Pembinaan citra dan jati diri A.D.A.B dengan sasaran mewujudkan rubrik dalam penilaian kepimpinan mahasiswa;
- II. Pemerksaan ekosistem pembangunan pelajar dan pengalaman kehidupan kampus dengan sasaran penubuhan Majlis Teras Aktiviti Pelajar (PTAP);



- III. Memaknakan fungsi kesatuan pelajar (*student's union*) dengan sasaran satu (1) kali persidangan setiap semester;
- IV. Mewujudkan model baharu bisnes siswa dan skim pembiayaan makro UMPSA. Sehingga Disember 2023, UMPSA telah mempunyai sebanyak 36 syarikat pelajar secara kumulatif; dan
- V. Mewujudkan satu model skim perantisan siswa bagi melatih pelajar sehingga memperoleh sijil kompetensi.

Kesemua lima (5) inisiatif ini telah berjaya dan selesai dilaksanakan.

**Iltizam Ketiga:** Melonjak Kebitaraan Akademia. Melalui iltizam ini, 7P yang menjurus kepada peranan hakiki staf akademik telah diberi perhatian serius iaitu:

- a) Pengajaran dan pembelajaran;
- b) Penyeliaan;
- c) Penyelidikan;
- d) Perundingan;
- e) Penerbitan dan penulisan;
- f) Penglibatan akademik dalam pengurusan universiti; dan
- g) Penglibatan dalam khidmat masyarakat.

Secara keseluruhan, inisiatif di bawah iltizam ini telah mencapai peratusan melebihi 90 peratus pencapaian. 7P ini akan terus diterap dan diperkasakan di dalam kebitaraan akademia



UMPSA serta disokong dengan penambahbaikan ekosistem pemboleh daya UMPSA.

**Iltizam Keempat:** Penyelidikan Berimpak, Menyejahterakan Komuniti. Terdapat dua (2) inisiatif di bawah iltizam ini iaitu:

Inisiatif Pertama: Menaik taraf projek keupayaan teknologi komuniti oleh UMPSA (*Made in UMPSA*) menerusi insiatif Geran Pembangunan Produk

(PDU) dan Geran *Made In UMPSA* telah dibangunkan. Hasilnya, sebanyak 52 projek menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMPSA (*Made in UMPSA*) telah berjaya dicapai daripada sasaran 46 projek.

Inisiatif Kedua: Setiap staf akademik memperoleh geran penyelidikan industri sama ada dari dalam atau luar negara. Hasilnya, inisiatif ini telah mencapai sasaran 18 peratus yang ditetapkan.

**Iltizam Kelima:** Agenda Pembangunan Bakat. Terdapat empat (4) inisiatif di bawah iltizam ini iaitu:

Inisiatif Pertama: Membangunkan satu model pembangunan bakat yang mampan berdasarkan Modul *National Top Talent*. Model *National Top Talent* telah diwujudkan dengan perancangan menyeluruh yang disokong oleh inisiatif 2, 3 dan 4.

Inisiatif Kedua: Menghasilkan pentadbir terlatih berprinsipkan 3R, *Relevant, Respected* dan *Referred* dengan sasaran 50 peratus daripada jumlah staf Pengurusan dan Profesional bagi tahun 2023. Hasilnya, seramai 135 daripada 206 orang iaitu 66 peratus staf Pengurusan dan Profesional telah menghadiri program-program pembangunan bakat pada tahun 2023 merangkumi program pembangunan kompetensi dan kepimpinan anjuran UMPSA, AKEPT dan anjuran luar.

Inisiatif Ketiga: Menghasilkan DNA mengikut nilai teras UMPSA. Pemeriksaan semula program

pembangunan bakat melalui pelaksanaan program perkhidmatan (PTM), program kluster pembangunan kompetensi, program kluster kelestarian bakat (STEP), program pembangunan berfokus (UMPSA Team Excellence) dan Program Pemukiman Pelaksana Hebat.

Inisiatif Keempat: Adalah menghasilkan kelompok bakat kepimpinan dengan sasaran 50 staf diprofilkan bagi mengisi jawatan strategik melalui pelaksanaan profiling kepimpinan 2023. Seramai 69 kolam bakat UMPSA telah melengkapkan penilaian profil kepimpinan dan laporan akan disekalikan dengan Penilaian Profil Kepimpinan UMPSA Siri 2 melibatkan 132 calon kolam bakat yang masih sedang berjalan.

**Iltizam Keenam:** Kemampunan Kewangan. Melalui iltizam ini terdapat enam (6) inisiatif iaitu:

Inisiatif Pertama: Penubuhan Kursi dan Pengukuhan Dana Endowmen dengan sasaran sebanyak RM2 juta. Hasilnya, sebanyak RM3.2 juta melalui Yayasan UMPSA telah berjaya

diperoleh daripada wakaf, endowmen, derma dan dana masyarakat.

Inisiatif Kedua: Pembayaran dividen daripada anak syarikat dengan sasaran 50 peratus keuntungan sebelum cukai. Jumlah dividen bagi tahun 2023 berdasarkan penyata kewangan belum diaudit adalah sebanyak RM5,181,186.00 (UMPH) dan RM2,023,369.00 (UMP Advanced) iaitu masing-masing 50 peratus dividen daripada anak syarikat.

Inisiatif Ketiga: Meningkatkan penjanaan pendapatan setiap fakulti dan pusat pengajian dengan pencapaian penjanaan pendapatan Tabung Amanah sebanyak 21 peratus berbanding belanja operasi tabung mengurus.

Inisiatif Keempat dan Kelima: Penjimatan perbelanjaan mengurus setiap fakulti, pusat pengajian dan PTJ dengan pencapaian peratus peningkatan rizab universiti adalah 0.12 peratus berbanding jumlah rizab tahun 2022.

Inisiatif Keenam: Pulangan kewangan atas kapasiti fizikal dengan pencapaian 14.32 peratus berbanding 15 peratus yang disasarkan tahun 2023.

Iltizam Ketujuh: Kelestarian Ekosistem. Terdapat dua (2) inisiatif iaitu Pembangunan Kampus Pintar dan Pembangunan Kampus Lestari. Kedua-dua inisiatif ini telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

**Iltizam Kelapan:** Membangunkan Ekosistem Inklusif. Inisiatif bagi mewujudkan ekosistem OkUMP yang inklusif dan kondusif ini telah mencapai 80 peratus daripada sasaran 75 peratus yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, kelapan-lapan iltizam saya pada tahun lepas telah mencapai sasaran sebanyak 96 peratus pelaksanaan. Penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat.

Suka untuk saya nyatakan, tujuan saya berkongsi pencapaian iltizam amanat saya pada tahun lalu ini adalah untuk memaklumkan bahawa amanat

yang saya sampaikan bukan sekadar retorik tanpa sebarang pembuktian. Malah, saya dan pengurusan universiti melalui Pusat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK) sentiasa memantau rapat pencapaian iltizam yang telah saya hasratkan.

## Sorotan Pencapaian UMPSA 2023

Tuan-tuan dan puan-puan,

Perjalanan cemerlang UMPSA dalam tempoh 22 tahun ini turut dinadikan oleh komitmen tinggi warga kerjanya, sama ada pada peringkat akademik, pentadbiran maupun operasi. Hasil komitmen warga universiti ini, pada tahun 2023, UMPSA buat pertama kalinya tersenarai di dalam *Low Carbon Cities 2030 Challenge* dan telah memenangi Anugerah Bandar Rendah Karbon 2023. UMPSA Pekan melalui pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Zone* manakala UMPSA Kampus Gambang memperoleh pengiktirafan *Diamond* Kategori Rakan Kongsi bagi *Low Carbon Partner*.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan usaha dan komitmen berterusan universiti dalam memajukan pembangunan bandar mampan dan rendah karbon.

Dalam bidang akademik, UMPSA pada tahun 2023 telah menjalin kerjasama dengan Kedutaan Libya dan *Premium Language Center (PLC)*. Kolaborasi ini bakal memberi peluang lebih ramai

pelajar dari Libya untuk mengikuti pengajian di UMPSA. Manakala kampus satelit UMPSA juga terus melestarikan kecemerlangan apabila konsisten memperbaiki kedudukan di dalam *QS Stars World University Rankings* dan *UMPSA In Sustainability*. Malah, UMPSA terus kekal unggul tersenarai di antara universiti terbaik dalam Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

UMPSA berada pada peringkat akhir penubuhan melalui kerjasama dengan PLC bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di universiti ini.

Selain itu, UMPSA juga akan menujuhkan Pusat Latihan Rel dengan kerjasama Liuzhou Railway Vocational Technical College yang merupakan institusi pengajian berfokus dalam bidang teknologi dan kejuruteraan rel di China. Kerjasama ini membolehkan UMPSA menerima RM5.6 juta bagi pendidikan berkaitan rel melibatkan perisian program, modul latihan dan lain-lain untuk manfaat pelajar.

Bagi pencapaian para penyelidik UMPSA, pada tahun 2023 seramai 21 orang penyelidik UMPSA tersenarai dalam *top 2 peratus saintis terbaik dunia*. Walaupun sedikit penurunan (satu orang) pada tahun 2023 berbanding 2022 (22 orang), namun jumlah penyelidik yang tersenarai di *Career Long Achievement* meningkat kepada sepuluh (10) orang pada tahun 2023 berbanding tujuh (7) orang pada tahun 2022.

Malahan seramai empat (4) orang penyelidik UMPSA telah dianugerahkan sebagai *Top Research Scientists Malaysia (TRSM)* pada Oktober 2023 oleh Akademi Sains Malaysia dan seorang pensyarah UMPSA telah dilantik sebagai *Member of The Young Scientists Network-Academy of Sciences Malaysia 2023*. Tahniah saya ucapan.

## Penjenamaan Semula UMPSA

Seperti yang semua sedia maklum, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dijenamakan

sebagai Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) selepas 21 tahun diwujudkan setelah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah seperti Warta Kerajaan Persekutuan yang berkuat kuasa pada 14 April 2023.

UMP telah bertukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 30 Julai 2023 dan dimasyhurkan pada 21 Oktober 2023 bersempena Majlis Konvokesyen UMPSA Ke-18. Penjenamaan universiti kini kepada UMPSA bertepatan dengan visi universiti ke arah sebuah universiti teknologi terunggul.

---

Walaupun nama bertukar, nilai teras, bidang fokus utama universiti dan program pengajian serta enrolmen tidak berubah mengikut matlamat tujuan penubuhannya.

Penjenamaan ini juga akan membina keterlihatan, reputasi dan keupayaan universiti seiring dengan perkembangan serta pencapaian universiti yang diiktiraf dunia.

---



Hari ini, 16 Februari 2024, saya ingin mengucapkan Selamat Ulang Tahun UMPSA yang ke-22. Semoga kita terus diberkati dan kekal di dalam landasan kecemerlangan.

## **‘Keperibadian Unggul dan Kelestarian Hikmah’**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penyampaian amanat saya pada hari ini dipasakkan melalui tema ‘Keperibadian Unggul dan Kelestarian Hikmah’. Saya yakin, UMPSA mempunyai kapasiti dari sudut sumber, bakat dan kepakaran yang membolehkan kita merealisasikan visi dan misi UMPSA ini. Demi mencapai visi penting ini, pada hari ini saya ingin menetapkan enam (6) iltizam yang akan menjadi kompas pergerakan kita bagi mencapai keberhasilan pada tahun 2024 ini.

Saya akan mulakan dengan tema ‘Keperibadian Unggul’. Keperibadian unggul mencerminkan keupayaan kompetensi dan ilmu warga UMPSA iaitu staf dan juga pelajar.

Asas kepada keperibadian unggul ini boleh dihayati melalui prinsip nilai teras UMPSA iaitu:

Pertama : Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.

Kedua : Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.

Ketiga : Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.

Keempat : Cekal dalam menghadapi cabaran.

Kelima : Proaktif dalam tindakan.

Oleh yang demikian, saya amat yakin dan percaya asas utama kepada keperibadian unggul adalah sifat amanah sebelum kita menerokai ciri-ciri yang lain di dalam keperibadian unggul. Saya ingin menyeru kepada semua warga UMPSA supaya kekal dalam landasan amanah bagi melunaskan tanggungjawab sebagai warga UMPSA.

Sebagai contoh, warga yang bersifat amanah akan menitikberatkan keberkatan dalam kehidupan seharian bermula dari awal melangkah kaki masuk ke tempat kerja dan pulang meninggalkan pejabat. Lalu apakah perkara pertama kita lakukan? Tidak lain tidak bukan adalah *check-in* dan *check-out*. Begitu juga para pelajar yang hadir ke kelas dan menyiapkan tanggungjawab dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Adakah kita cukup amanah dengan perkara ini?

Mengabaikan amanah merupakan suatu pengkhianatan seperti mana larangan keras Allah SWT dalam surah *Al-Anfal*, ayat 27 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya.”

Sekiranya kita berjaya mengekalkan budaya amanah ini, Insya-Allah keberkatan dan kriteria keperibadian unggul yang lain akan menyusul.

# Iltizam Pertama: Keunggulan Akademia dan Kemampuan Pengurusan

Maka, iltizam saya yang pertama adalah Keunggulan Akademia dan Kemampuan Pengurusan. Untuk mencapai keunggulan akademia dan kemampuan pengurusan, UMPSA perlu memperkasakan bakat berteraskan kompetensi dalam kalangan staf.

Dalam usaha memperkuuh kelompok bakat kepimpinan UMPSA yang berprestasi tinggi, langkah-langkah bersifat taktikal dan komprehensif haruslah diambil selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Amanat

Menteri Pendidikan Tinggi 2024 yang menekankan agenda penting pemerkasaan kecemerlangan bakat kepimpinan. Ini bertujuan untuk mewujudkan suatu perancangan penggantian yang strategik dan menyeluruh, serta untuk mengembangkan kapasiti kelompok bakat kepimpinan pada peringkat universiti.

Pelan Strategik UMPSA 2021-2025 telah menggariskan keperluan dan kepentingan untuk membangunkan Pelan Penggantian UMPSA bagi memastikan kelangsungan penyediaan pengganti yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan utama dan strategik dalam jangka masa panjang. Pelan Penggantian Kepimpinan UMPSA telah diangkat sebagai salah satu inisiatif dalam Objektif Strategik 5 Kecemerlangan Ekosistem Universiti di bawah Teras 5D iaitu Memperkasa Bakat Berteraskan Kompetensi.

Inisiatif yang akan dijalankan bagi mencapai keunggulan akademia dan keunggulan pengurusan adalah Program Penilaian Profil Kepimpinan UMPSA. Program ini bertujuan untuk

mengenal pasti tahap kompetensi dan potensi kepimpinan kolam bakat UMPSA untuk dijadikan persediaan *Leadership by Design*. Hasil daripada profil kepimpinan ini, Jabatan Pendaftar akan menjalankan program kepimpinan yang lebih berstruktur dan bersasar.

---

Inisiatif ini adalah mirip dengan konsep yang dirangka oleh pihak AKEPT bagi Pelan Penggantian Naib Canselor dan selari dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.

3/2006.

---

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ketika ini, kaedah pembelajaran sudah berubah dan tidak terhad kepada pembelajaran secara fizikal di dalam satu kampus. Ledakan teknologi telah membuka ruang yang luas kepada

masyarakat global untuk menyempurnakan ijazah yang kini tidak lagi terikat kepada tempat, masa dan sempadan negara.



Sebagai contoh, mahasiswa di Kelantan boleh mengikuti pembelajaran di University of Oxford secara dalam talian melalui kursus jangka pendek yang ditawarkan. Manakala pelajar jurusan ekonomi juga boleh mengambil kursus jurusan kejuruteraan (*multi-disciplinary*). Justeru, UMPSA seharusnya mengambil peluang dan melihat realiti terkini sebagai satu keperluan untuk UMPSA terus relevan dan mampan.

Oleh yang demikian, inisiatif kedua adalah peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan pensijilan profesional staf akademia serta teknikal. Melalui inisiatif ini staf akademik akan dilengkapi dengan skil pengajaran digital yang dapat meningkatkan penawaran program-program *micro-credential*, ODL dan menambah baik pengajaran melalui pengaplikasian kecerdasan buatan (AI). Manakala staf teknikal dan akademik berpeluang mengikuti latihan teknikal menggunakan teknologi terkini untuk diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran selain berpeluang menjalankan konsultasi kepada pihak industri.

Oleh yang demikian, pihak Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik (PIDA), Pusat TVET Termaju dengan kerjasama Jabatan Pendaftar perlu menggariskan latihan dan juga kursus yang bersesuaian bagi memastikan staf akademik dan teknikal UMPSA dilengkapi dengan kemahiran pengajaran digital serta kemahiran teknologi yang terkini.

Bagi pensijilan profesional dalam kalangan staf akademik, saya menyasarkan sekurang-kurangnya 40 peratus staf memperoleh pengiktirafan badan profesional seperti Ir., Ts., Chem., Ar., dan lain-lain lagi. Universiti akan sedaya upaya membantu memudah cara perolehan sijil profesional staf akademik dengan penyediaan dana permulaan.

Kepentingan sijil profesional melambangkan bahawa keupayaan staf akademik UMPSA diiktiraf dan menyokong akreditasi program serta penarafan dalam bidang profesional. Hal ini bertepatan dengan peranan UMPSA sebagai penyedia kurikulum TVET Termaju.

Pelaksanaan program pensijilan kompetensi teknikal secara dalaman dengan kerjasama Pusat TVET Termaju dan industri akan meningkatkan kebolehupayaan UMPSA untuk menjadi pusat rujukan. Ia berupaya mengiktiraf kemahiran teknologi UMPSA selain dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar UMPSA.

Keunggulan bakat berdaya tahan memainkan peranan penting dalam ekosistem universiti, dan kepentingannya dapat dilihat melalui beberapa aspek terutamanya dalam pembentukan komuniti universiti yang resiliensi.

Oleh yang demikian, untuk meningkatkan penguasaan kompetensi staf, langkah proaktif harus diambil oleh universiti dalam mentransformasikan instrumen penilaian yang ada. Tujuan utama dari transformasi ini adalah untuk mengukur tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri personaliti staf dengan lebih efektif.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## Iltizam Kedua: Keunggulan Mahasiswa Rentas

Di dunia yang semakin VUCA (mudah berubah, tidak menentu, kompleks dan kabur) ini, kemenjadian mahasiswa bukan suatu warisan namun memerlukan penambahbaikan kualiti berterusan di semua peringkat khususnya sepanjang pengalaman kehidupan kampus. Perkara ini menuntut mahasiswa unggul yang merentasi antara dan pelbagai bidang.

Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlik mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara,

kemenjadian mahasiswa UMPSA perlu dicitrakan dengan BITARA dan A.D.A.B.

Maka, iltizam saya yang kedua pada hari ini adalah Keunggulan Mahasiswa Rentas. Di bawah iltizam ini terdapat tiga (3) inisiatif utama iaitu:

Inisiatif Pertama: Penyediaan data raya kompetensi mahasiswa dan analisis data melalui aplikasi secara berkesan, kritis dan analitikal dari cerakinan pelbagai sumber yang mampu mengenal pasti kemahiran baharu untuk mahasiswa yang sedang dan akan berkembang.

Pembinaan kompetensi dan ilmu di luar bilik kuliah atau ilmu ikhtiar hidup tidak berkredit perlu dijadikan rencah terbaik dalam memastikan kemenjadian mahasiswa atau graduan tahan lasak dan kalis rempuhan cabaran globalisasi.

Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEPA) perlu menilai semula pendekatan realistik dalam membentuk mahasiswa dengan kemahiran pintar dan tajam, kecerdasan buatan, keusahawanan serta kemahiran insaniah meliputi kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, keusahawanan, kerja berpasukan, etika dan nilai profesional, kepimpinan serta pembelajaran sepanjang hayat.

*Skill set*, profil kompetensi dan instrumen pengukuran program pembangunan kompetensi yang lebih komprehensif perlu dibangunkan untuk melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing, berpersonaliti unggul, berfikiran kritis dan ber-fikir secara tuntas serta berupaya menyelesaikan masalah kompleks demi kebaikan sejagat.

Inisiatif Kedua: Ekosistem Mesra Mahasiswa Yang Kondusif dan Lestari. Kecemerlangan ekosistem mesra mahasiswa yang kondusif dan lestari adalah satu kemestian dan bukanlah sesuatu yang boleh dikompromi. Kemudahan dan perkhidmatan pelajar perlu diurus secara inklusif, perlu berubah dari konsep *inside-out* kepada *outside-in* iaitu kuasa meletakkan mahasiswa sebagai pelanggan utama, budaya Komentar Membina (*Constructive Comment*) khususnya di Residen Pelajar perlu menjadi keutamaan dan sebarang permasalahan pelajar perlu didepani secara tangkas dan menyeluruh demi manfaat kepada mahasiswa secara keseluruhannya.

Keterjaminan Kebajikan Mahasiswa seharusnya terpelihara secara total. Satu kaedah yang bijaksana atau *Student at Risk System* perlu dibangunkan SEGERA bagi mengenal pasti mahasiswa berisiko berdepan dengan masalah kewangan, keberhutangan, kesihatan dan tekanan dalam usaha melahirkan warga kampus SEJAHTERA selain sentiasa menjadi penyokong yang mendorong pertumbuhan berterusan dalam menjayakan agenda kemenjadian mahasiswa.

Inisiatif Ketiga: Kebolehpasaran Graduan dan Melonjak Keterlibatan Alumni. JHEPA perlu memikirkan dan melaksanakan inisiatif SEGERA yang lebih SEGAR dan *BY DESIGN* bagi program *Structured Internship, Reskilling, Upskilling and Cross-skilling* dan *Finishing School* bersama pihak industri dan agensi bagi menghasilkan graduan PREMIUM yang bersedia untuk menyumbang kepada pasaran kerja dan industri.

Usaha Menyatukan Kekuatan Alumni juga perlu



dilipatgandakan. Sekurang-kurangnya 50 peratus daripada jumlah keseluruhan ALUMNI seharusnya boleh dicapai agar dapat membantu kelangsungan universiti melalui sumbangan mereka dalam pelbagai bentuk. Mereka ini adalah anak-anak kita yang telah mula dewasa dan membentuk lingkaran keluarga baharunya sendiri, maka ‘Jambatan Kasih Sayang’ yang kukuh perlu terus dipelihara untuk berganding bahu dan mendukung citra UMPSA ke mercu kejayaan. Kepada semua alumni, kembalilah berbakti kepada Alma Mater.

## ‘Kelestarian Hikmah’

Tuan-tuan dan puan-puan,

‘Hikmah’ boleh didefinisikan sebagai pengetahuan yang mendalam dan pertimbangan yang waras ketika menentukan tindakan, membuat keputusan dalam sesuatu perkara dengan mengambil kira sebab serta kesan yang timbul akibat tindakan dan keputusan yang ingin dibuat.

Secara ringkas, hikmah mengajar manusia untuk bertindak bukan sahaja dengan tepat tetapi juga sesuai pada masa dan tempat. Sifat hikmah adalah dinamik yang sesuai dengan perubahan masyarakat dan kehidupan mereka. Dengan itu, pendekatan berhikmah begitu sesuai diguna pakai untuk menguruskan apa-apa urusan, bila-bila masa, mana-mana tempat dan di dalam apa-apa situasi.

## Iltizam Ketiga: Melestarikan Program Akademik

Maka di bawah tema Kelestarian Hikmah, iltizam saya yang ketiga adalah Melestarikan Program Akademik.

Inisiatif Pertama iltizam ini adalah: Pendidikan Fleksibel. Pendidikan fleksibel membolehkan sistem pendidikan di universiti direka bentuk semula seiring dengan perkembangan teknologi semasa, dilihat antara yang akan mencorakkan masa depan pendidikan tinggi negara. UMPSA komited untuk mereka bentuk semula sistem pendidikan tinggi di universiti bagi menjayakan pendidikan secara fleksibel termasuk memperkasa program *Massive Open Online Course (MOOCs)* yang telah pun dijalankan di universiti ini.

Sistem pendidikan pada masa ini juga mempunyai pelbagai program khusus yang telah pun mengambil kira dan melihat kepada fleksibiliti dalam kaedah P&P yang turut dilihat memberi impak yang cukup besar termasuk menurunkan kos pembelajaran.

Justeru, dalam menyokong inisiatif pendidikan fleksibel, tujuh (7) strategi bakal direncanakan melalui Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) iaitu:

- i. Pelaksanaan Program *Micro-Credentials*;
- ii. Penempatan Program Pembelajaran berasaskan Kerja (WBL);
- iii. Pendidikan Anjal/Hibrid;
- iv. Pelaksanaan Program *Open and Distance Learning*;
- v. SPPT Profesional;
- vi. Program *apprenticeship*; dan
- vii. Program SULAM pada peringkat fakulti.

Inisiatif Kedua: Peluasan Akses Program Akademik UMPSA. Melalui inisiatif ini, sebanyak lima (5) strategi akan dilaksanakan iaitu:

- i) Penubuhan Kampus Cawangan;
- ii) Pewujudan *International Learning Centre*;
- iii) *TVET Offshore*;
- iv) Hala Tuju Program Akademik Baharu; dan
- v) Penawaran Program Asasi dan PUPW

Pelaksanaan inisiatif ini akan mengambil masa sehingga tahun 2030, namun bagi pelaksanaan tahun 2024, perkara ini akan diperincikan oleh

Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA).



# Iltizam Keempat: Merekayasa Tvet Termaju

Tuan-tuan dan puan-puan,

Iltizam saya yang keempat adalah Merekayasa TVET Termaju.

Sebagai salah sebuah universiti di dalam MTUN, peranan UMPSA amat signifikan dalam memacu pendidikan TVET negara dan dalam kalangan universiti-universiti MTUN, UMPSA kini berada pada kedudukan yang pertama. Kedudukan tersebut menunjukkan universiti ini telah berada di landasan yang betul dalam memastikan pendidikan TVET Termaju yang ditawarkan sejajar dengan keperluan negara.

Definisi TVET menurut Kementerian Pendidikan Tinggi ialah Sistem Pendidikan Komprehensif yang berfokus kepada pembangunan bakat dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah serta keusahawanan pada aras tertiar berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang melahirkan tenaga kerja profesional tersedia industri dengan kompetensi teknikal dan vokasional yang tinggi untuk memenuhi pasaran pekerjaan tempatan dan global.

Oleh yang demikian, berdasarkan definisi ini UMPSA perlu berupaya membezakan penawaran kursus TVET di UMPSA berbanding politeknik dan kolej komuniti. Frasa TVET Termaju itu sendiri mencerminkan perbezaan yang jelas yang merangkumi aspek kemasukan, program pengajian, fasiliti dan penghasilan bakat.

Justeru, inisiatif pertama iaitu peningkatan enrolmen pelajar aliran TVET di UMPSA di dalam Program Perdana dan Program Sepanjang Hayat (PSH). Lima (5) strategi akan mendukung inisiatif ini iaitu:

- i. Peluasan akses kemasukan pelajar;
- ii. Kerjasama strategik MTUN;
- iii. Program fleksibel;
- iv. Perluasan kampus; dan
- v. Penjanaan pendidikan TVET.

Inisiatif kedua adalah menghasilkan tenaga kerja mahir tersedia industri. Terdapat empat (4) usaha UMPSA ke arah menghasilkan tenaga kerja mahir tersedia industri ini iaitu:

- i. TVET Digital;
- ii. *Industrial Teaching Factory*;
- iii. Program TVET terpacu industri; dan
- iv. Penambahbaikan polisi KPT dengan Kementerian Sumber Manusia.



Tuan-tuan dan puan-puan,

## Iltizam Kelima: Melestarikan Citra Ilmu

UMPSA selama lebih dua dasawarsa ini telah membuktikan peranannya sebagai katalis ilmu dan masyarakat melalui slogan ‘Teknologi untuk Masyarakat’. Penyelidikan yang dipacu oleh keperluan komuniti dan industri serta budaya pemindahan ilmu dan teknologi yang telah lama kita amalkan membuktikan bahawa kewujudan UMPSA kini semakin relevan dan berupaya memberi limpahan manfaat kepada komuniti.

Oleh yang demikian, warga penyelidik UMPSA perlu terus kekal meningkatkan keupayaan dan

sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memanfaatkan hasil kajian yang boleh membantu permasalahan industri serta meningkatkan kualiti hidup komuniti.

Maka iltizam saya yang kelima adalah Melestari Citra Ilmu. Justeru, di bawah iltizam kelima ini terdapat enam (6) inisiatif bakal digerakkan iaitu:

Pertama: Penyelidikan berasaskan penyelesaian masalah industri dan komuniti melalui geran industri. Geran Industri adalah geran penyelidikan yang kewangannya ditaja oleh industri. Melalui geran ini, UMPSA akan membantu industri mencari penyelesaian permasalahan industri dan meneroka teknologi serta inovasi baharu dalam meningkatkan hasil atau mengurangkan kos pengeluaran. UMPSA menyasarkan sebanyak 28 peratus staf akademik mengetuai geran industri bagi menaik taraf keupayaan teknologi komuniti (Geran industri/ industri/ komuniti/ agensi/ NGO).

Kedua: Syarikat pemula staf akademik yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada

industri. Staf akademik yang menawarkan perkhidmatan berasaskan kepakaran dengan jumlah pendapatan kasar daripada aktiviti perundingan mencapai RM20,000 per staf pada tahun semasa. Oleh itu, kita menyasarkan seramai sembilan (9) orang staf akademik yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri melalui perundingan atau pengkomersialan yang melebihi RM20,000.00.

Ketiga: *MTUN Technology-Industry Playground @UMPSA*. Di bawah inisiatif ini, terdapat dua (2) strategi utama iaitu memperkuatkkan Pusat Kecemerlangan (CoE) mengikut bidang tujuan UMPSA terutamanya bidang Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Kimia dengan menyasarkan sebanyak tiga (3) program bersama industri.

Manakala strategi kedua adalah melalui aktiviti penyelidikan dan inovasi antara fakulti/institut/akademi/pusat/pusat kecemerlangan bersama komuniti. Projek/produk/sistem ini mestilah siap

dan diuji guna oleh komuniti dengan disasarkan sebanyak sebelas (11) projek pada tahun 2024.

Keempat: Program Pemindahan Ilmu Jangka Pendek. Program atau inisiatif yang dirancang untuk memindahkan pengetahuan, keterampilan, atau informasi dalam jangka waktu relatif singkat. Program ini dapat dilakukan dalam pelbagai konteks, termasuk dalam skop pendidikan formal, latihan kerja atau lain-lain. Di bawah inisiatif ini terdapat tiga (3) program utama iaitu Profesor Turun Padang, STEM (sekolah angkat) dan Karnival STEM.

Sehubungan itu, melalui program Profesor Turun Padang, saya menyasarkan sebanyak 20 program berimpak dengan 2,000 penerima manfaat pada tahun ini. Untuk program STEM pula sebanyak 20 program dengan 2,000 penerima manfaat manakala Karnival STEM dengan dua (2) program dan 5,000 orang penerima manfaat.

Inisiatif Kelima: Program Pemindahan Ilmu Jangka Panjang. Inisiatif yang dirancang untuk memindahkan pengetahuan, keterampilan dan nilai-nilai dalam jangka waktu yang lebih lama. Program ini lebih berfokus pada pembentukan pemahaman yang mendalam, pengembangan keterampilan yang kompleks dan perubahan paradigma atau budaya organisasi/komuniti.

Di bawah inisiatif ini, terdapat tiga (3) strategi iaitu:

Strategi 1: Geran komuniti (CDU), geran pemindahan ilmu, geran pemindahan ilmu kepada komuniti dengan kerjasama agensi/industri/NGO.

Strategi 2: Program *Social Enterprise*, pemindahan ilmu kepada komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan kerjasama agensi/industri/NGO.

Strategi 3: Program *Living Lab*, pemindahan ilmu kepada komuniti bagi meningkatkan pendapatan komuniti setempat dengan kerjasama agensi/industri/NGO.

Inisiatif Keenam: Program Khas Pemindahan Ilmu melalui Geran Pemindahan Ilmu Komuniti dengan kerjasama agensi.



## Iltizam Keenam: Melestarikan Ekosistem Pemboleh Daya

Hadirin sekalian,

Iltizam keenam dan yang terakhir saya adalah Melestarikan Ekosistem Pemboleh Daya. Iltizam ini menuntut kita proaktif dan relevan mengikut peredaran zaman yang dipacu ekosistem pemboleh daya yang komprehensif, kondusif dan berinovatif menerusi kecekapan urus tadbir, kemampunan kewangan, peluasan teknologi digital dan kebitaraan citra demi kesejahteraan warga.

Inisiatif 1: Kampus Pintar dan Digital. Pelan kampus pintar UMPSA berfokus ke arah

transformasi digital di dalam pemodenan proses kerja. Lima (5) teras yang menjurus kepada pembangunan kampus pintar adalah pembelajaran, pengurusan, penjagaan kesihatan, governan dan komuniti. Untuk beberapa tahun yang ke belakang, asas bagi penzahiran Kampus Digital di UMPSA telah dilakukan secara bersasar dan berfasa.

Pada tahun 2024, UMPSA akan meneruskan lagi agenda Kampus Pintar dan Digital ini dengan tiga (3) strategi utama iaitu:

Strategi 1: Peningkatan infrastruktur teknologi yang akan memfokuskan kepada usaha untuk mewujudkan satu Digital ID bagi warga UMPSA. *One Digital ID* ini akan membolehkan warga UMPSA untuk menggunakan hanya satu ID untuk mengakses pelbagai platform dan perkhidmatan digital yang sedia ada atau akan dibangunkan di UMPSA.

Bagi memastikan penggunaan satu digital ID ini berjaya dilaksanakan, pihak DiTec UMPSA akan

terus melaksanakan langkah penambahbaikan untuk meningkatkan tahap integrasi platform digital atau *Digital Platform Collaboration* bagi kemudahan warga UMPSA. Sasaran bagi strategi ini adalah mewujudkan satu Digital ID dan *Platform Digital Collaboration*.

Strategi kedua ialah mewujudkan dan menguruskan data raya UMPSA. Data Raya ialah satu konsep yang tidak asing lagi pada dunia sekarang ini malahan menjadi satu kewajipan kepada industri, perniagaan dan negara untuk memastikan bahawa kompetensi pengurusan data raya ini sentiasa dipertingkat dan menjadi keutamaan dalam pengurusan organisasi.



Pada tahun ini, kita dapat melihat dan merasai kepentingan data raya ini apabila kerajaan mewajibkan pengisian data peribadi di sistem PADU bagi menentukan individu yang layak menerima subsidi kerajaan.

Oleh yang demikian, untuk membolehkan UMPSA meningkatkan kapasiti pengurusan Data Raya UMPSA, pihak DiTec akan mewujudkan satu (1) Platform Data Raya UMPSA yang akan memberi impak positif dan penting untuk membantu pengurusan memperoleh *valuable insights*, meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta memacu inovasi berdasarkan dapatan data raya. Impaknya, setiap keputusan yang dibuat oleh pengurusan adalah berasaskan data yang diperoleh mengikut keperluan dan keupayaan semasa serta dibuat secara tuntas dan cepat.



Sasaran bagi inisiatif ini adalah mewujudkan satu (1) Platform Data Raya.

Strategi ketiga ialah pemodenan infostruktur (sistem) bagi mencapai E2E (*end-to-end systems*). Agenda Kampus Pintar ini perlu mempunyai objektif untuk memberi pengalaman penggunaan perkhidmatan digital yang mudah di akses dan serta mencapai sasaran perkhidmatan

yang telah ditetapkan. *End-to-End System* merujuk kepada satu sistem yang komprehensif meliputi keseluruhan proses kerja yang tidak bergantung kepada sistem/proses luar.

Sistem ini akan memberi kesan positif kepada organisasi UMPSA untuk menyediakan dan memberi perkhidmatan digital dengan lebih efisien tanpa bergantung kepada manual *interventions*.

Suka untuk saya ingatkan juga bahawa setiap aplikasi mudah alih atau *mobile apps* ini perlulah menitikberatkan aspek keselamatan data. Bersifat *reliability* dan *resilience* serta mementingkan *user experience* agar ia tidak menjadi projek gajah putih pada masa akan datang.

Inisiatif kedua di bawah Iltizam keenam ialah Agenda Kampus Lestari. UMPSA dan warganya memang sudah tidak asing lagi dengan agenda ini. Pencapaian cemerlang kita saban tahun dalam *UI Green Metric* membuktikan komitmen warga UMPSA dalam memastikan agenda ini berjaya dilaksanakan amat saya hargai. Namun begitu, terdapat lebih banyak strategi untuk kita bersama-sama berusaha dengan lebih gigih lagi agar kelestarian kampus UMPSA ini terus kekal untuk keselesaan dan kesihatan warga kampus.

Oleh yang demikian, kita mesti meneruskan usaha mempromosikan tanggungjawab sosial dan membudayakan *culture of sustainability* dalam kalangan warga UMPSA. Sehubungan itu,

agenda Kampus Lestari pada tahun ini akan terus diperkasakan dengan beberapa strategi.

Strategi yang pertama ialah Memperkuuh Penggunaan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui. Alhamdulillah, pada tahun lepas kita telah berjaya menyiapkan projek solar di UMPSA Pekan secara berfasa dan kini telah berfungsi dengan baik dan dinikmati oleh semua warga kampus. Projek Solar ini akan terus dipertingkatkan dan diperluaskan ke UMPSA Kampus Gambang dengan menyasarkan sebanyak 50 peratus penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui di dalam kampus.

Suka saya ingin mengingatkan bahawa setiap warga UMPSA perlu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan tenaga seperti air, elektrik dan penghawa dingin perlulah digunakan secara berhemah dan tidak melakukan pembaziran.

Strategi yang kedua ialah Pemerkasaan Usaha dan Inisiatif Kitar Semula Sisa Kampus. Warga

UMPSA kini telah mencapai jumlah populasi hampir 20,000 orang yang terdiri daripada staf dan pelajar. Setiap individu sudah pastinya menggunakan pelbagai sumber asas seperti kertas, plastik dan pelbagai bahan lain untuk keperluan kerja, pembelajaran dan kehidupan di dalam kampus.

Natijahnya, UMPSA perlu menguruskan sumber yang telah digunakan untuk memastikan kebersihan kampus terpelihara dengan baik. Kaedah yang terbaik untuk pengurusan ini ialah kitar semula yang merupakan satu komponen penting dalam *waste management*. Tiada gunanya kampus yang menghijau sekiranya kita tidak mengamalkan gaya hidup kitar semula dalam kehidupan sehari-hari, baik di rumah ataupun di kampus.

Pada tahun ini, kita akan menyasarkan 25 peratus Kadar Kitar Semula sisa kampus. Kita harus sentiasa mengingatkan diri sendiri, bahawa tanggungjawab menjaga kebersihan dan

mengamalkan budaya kitar semula ialah tanggungjawab setiap individu.

Warga UMPSA yang saya kasih sekalian,

Sekiranya kita komited dalam pelaksanaan dua (2) strategi tadi, maka universiti dapat melakukan penjimatan dalam perbelanjaan pengurusan tenaga dan sumber. Penjimatan ini sangat penting kerana dana yang diperoleh oleh universiti daripada kerajaan sangat terhad terutamanya dalam aspek pembangunan fasiliti dan kemudahan.

Hasil penjimatan merupakan salah satu sumber kewangan yang akan digunakan untuk meningkatkan prasarana di dalam kampus. Namun begitu, pihak pengurusan UMPSA melalui PPPH terus komited dalam memastikan pembinaan dan penambahbaikan prasarana di UMPSA terus dibangunkan secara inklusif.

Justeru, bagi tujuan ini strategi yang ketiga ialah Meningkatkan Fasiliti untuk Kemudahan Warga

Kampus dan OKU. Pelaksanaan projek ini akan dibuat berdasarkan keupayaan kewangan semasa dan kelulusan bajet oleh Kementerian. Pihak PPPH dan OKU UMPSA bersama-sama pengurusan UMPSA akan terus mempergiatkan usaha mencari dana.

Inisiatif ketiga di bawah iltizam yang keenam ialah Kelestarian Kewangan. Kelestarian Kewangan merujuk kepada keupayaan organisasi untuk mengekalkan kestabilan operasi kewangan untuk tempoh jangka panjang.



Kelestarian kewangan sangat penting untuk memastikan kestabilan operasi dan pembangunan masa hadapan serta kemampuan universiti untuk mendepani arus perubahan ekonomi dan teknologi global. Sebagai sebuah universiti awam, dana utama yang diperoleh UMPSA hanya mencukupi untuk beberapa komponen perbelanjaan sahaja seperti emolumen dan sewaan.

---

Justeru, UMPSA mesti berupaya untuk mempelbagaikan usaha dalam meningkatkan jumlah pendapatan tahunan. Oleh yang demikian, bagi memastikan UMPSA mempunyai kewangan yang mampan, dua (2) strategi utama akan diperkenalkan pada tahun ini iaitu:

Strategi yang pertama ialah Peratusan peningkatan pendapatan berbanding jumlah keseluruhan perbelanjaan operasi tahunan dengan menyasarkan 20 peratus penjanaan berbanding perbelanjaan.

Pihak Bendahari akan menggalas tanggungjawab ini bersama-sama jabatan dan fakulti bagi merangka pelan tindakan yang efektif dan tidak mengabaikan kebajikan serta memberi kesan negatif kepada operasi.

Keuntungan bukanlah menjadi satu-satunya matlamat utama dalam strategi ini, namun begitu langkah proaktif bertujuan meningkatkan pendapatan perlu diperhalusi dan dijayakan secara optimum mengikut prosedur yang dibenarkan berdasarkan keupayaan setiap jabatan.

Strategi 2: Peningkatan Endowmen Yayasan UMPSA. Sebagai Naib Canselor, saya sangat berbesar hati untuk berkongsi bahawa Yayasan UMPSA terus berkembang dan memberi impak

yang besar kepada kebajikan mahasiswa serta kemajuan universiti. Usaha gigih Yayasan UMPSA dalam mengumpul dana daripada pelbagai pihak telah membolehkan UMPSA menyediakan pelbagai inisiatif bantuan dalam program pendidikan dan kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada komuniti universiti dan masyarakat setempat.

Pada tahun lepas, kita telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM2.9 juta untuk pelbagai inisiatif, manakala hasil sumbangan yang diterima mencapai RM3.4 juta. Yayasan UMPSA perlu terus mengalokasikan dana untuk pelbagai program termasuk zakat pelajar, biasiswa Yayasan UMPSA dan dermasiswa rakan kerjasama, insentif pendidikan dan kecemerlangan, bantuan komputer riba, bantuan bencana, bantuan zakat staf, serta program CSR dan komuniti.



Inisiatif keempat di bawah iltizam yang keenam ialah Ekosistem Sejahtera. Sesungguhnya kesihatan, keselamatan dan kebajikan warga UMPSA sentiasa dititikberatkan oleh pengurusan UMPSA dalam setiap keputusan dan tindakan yang dilaksanakan.

Warga yang sihat dan kampus yang selamat serta kondusif merupakan satu ekosistem yang terbaik

untuk meningkatkan produktiviti kerja serta menghasilkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Selain itu juga, ekosistem ini dilengkapi dengan ciri-ciri inklusiviti yang tidak mengabaikan golongan Orang Kurang Upaya.

Bagi menzahirkan ekosistem yang sejahtera, tiga (3) strategi utama akan direncanakan dan dilaksanakan pada tahun ini iaitu:

Strategi pertama ialah kosistem OkUMP yang inklusif dan kondusif. Penubuhan Pusat OKU UMPSA telah meletakkan UMPSA selaku salah satu penyedia utama kemudahan latihan dan fasiliti OKU di negeri Pahang yang mendapat kepercayaan serta peruntukan daripada pelbagai kementerian dan agensi.

Sehubungan itu, Pusat OKU UMPSA perlu lebih aktif dan inovatif dalam memastikan pencapaian cemerlang ini dapat dikekalkan dan ditambah baik pada masa akan datang melalui pelbagai siri latihan seperti kursus Asas Bahasa Isyarat yang berupaya dimanfaatkan oleh warga OKU di kalangan staf atau pelajar dan komuniti.

Selain itu juga, inisiatif yang lebih mampan perlu difikirkan dan dilaksanakan untuk menjamin dana peruntukan yang berterusan bagi kelangsungan aktiviti di Pusat OKU UMPSA. Inisiatif seperti rakan kerjasama dengan industri dan agensi membolehkan aktiviti-aktiviti Pusat OKU UMPSA dilaksanakan secara kerjasama dari aspek kos penganjuran di samping penjanaan pendapatan

melalui kemudahan atau latihan yang sedia ada di Pusat OKU UMPSA.

Strategi yang kedua akan menumpukan kepada aspek keselamatan warga kampus UMPSA iaitu Intervensi Kesedaran Keselamatan Perlindungan. Strategi ini akan melihat secara khusus pelaksanaan tindakan bagi mengurangkan kes keselamatan jalan raya dan ketenteraman awam di dalam kampus.

Bahagian Keselamatan UMPSA akan mempergiatkan usaha dalam mempromosikan kesedaran keselamatan jalan raya, keselamatan harta benda awam di dalam Kampus dan juga ketenteraman awam dalam kalangan warga kampus di samping penguatkuasaan yang berterusan.

Manakala strategi yang ketiga ialah inisiatif kesihatan holistik yang meliputi fizikal, mental dan spiritual. Peningkatan usia dan gaya hidup yang tidak sihat serta faktor tekanan hidup, merupakan faktor penyumbang utama kepada peningkatan

masalah kesihatan fizikal dan mental dalam kalangan warga UMPSA. Usaha Jabatan Pendaftar melancarkan program Gaya Hidup Sihat yang dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan baru-baru ini merupakan salah satu usaha untuk mempromosikan kepentingan penjagaan kesihatan.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada setiap warga kampus, bersama-sama kita menjaga kesihatan fizikal dan mental dengan memperbanyak aktiviti bersukan, pemakanan yang seimbang serta sentiasa mengamalkan ibadah yang dituntut oleh agama. Dekat diri dan hati kita dengan Allah SWT melalui solat, membaca al-Quran, berzikir dan hadir ke majlis-majlis ilmu akan memberi kesan yang positif dalam mengurangkan tekanan hidup.

Sasaran UMPSA pada tahun ini ialah sekurang-kurangnya satu peratus penurunan prevalens faktor risiko penyakit tidak berjangkit dalam kalangan warga kerja UMPSA yang akan

dilaksanakan oleh Pusat Kesihatan UMPSA bersama-sama setiap jabatan dan fakulti.

Seterusnya, inisiatif kelima dan terakhir di bawah iltizam yang keenam ialah Kecemerlangan Sistem Pengurusan Universiti.

Menguruskan universiti pada ketika ini sangat berbeza berbanding 20 tahun atau 10 tahun lalu. Justeru, pentadbir UMPSA perlu sentiasa peka dengan kehendak dan *trend* semasa supaya perkhidmatan yang diberikan mencapai standard dan keperluan pemegang taruh. Budaya inovasi perkhidmatan perlu dizahirkan dalam tindakan seperti mengurangkan kebergantungan dalam proses kerja secara manual dan birokrasi yang tidak perlu tetapi menepati tatakelola yang berintegriti.

Sehubungan itu, dua (2) strategi utama tahun ini untuk meningkatkan kecemerlangan Sistem Pengurusan Universiti iaitu meningkatkan penyertaan PTJ dalam Konvensyen KIK Horizon

Baharu dengan sasaran 25 peratus PTJ menyertai Konvensyen KIK tersebut.

Juga meningkatkan skor Audit Dalaman EKSA berdasarkan kriteria Pensijilan Audit MAMPU dengan sasaran 25 peratus PTJ yang mencapai markah 80 peratus Audit Dalaman EKSA selaras dengan kriteria Pensijilan Audit MAMPU.

## PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya percaya semua pihak telah mengambil perhatian berhubung gagasan besar yang saya nyatakan sebentar tadi. Semoga iltizam, inisiatif, strategi, angka-angka dapat disemat, dipahat untuk dizahirkan ke dalam tindakan.

Adalah penting untuk warga kerja UMPSA terus berusaha meningkatkan momentum prestasi berdasarkan bidang tugas dan tanggungjawab di jabatan masing-masing. Keupayaan untuk mencapai kegemilangan berasaskan prestasi

konsisten dan nilai murni merupakan prasyarat penting untuk menjayakan UMPSA ke arah Universiti Teknologi Terunggul.

Harapan saya, agar enam (6) iltizam yang melatari amanat saya sebentar tadi dapat dihayati dan gerakkan dalam usaha memacu hala tuju universiti tercinta kita ini agar terus melestarikan kecemerlangan.

“Kita bukan sahaja berani bermimpi, malah kita berani melaksanakan mimpi.”

Mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Tuanku Canselor, dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Pro-Canselor UMPSA dan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor, Pro-Canselor UMPSA.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Pengerusi Lembaga UMPSA, Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar atas sokongan berterusan Lembaga Pengarah Universiti terhadap usaha-usaha pihak pengurusan bagi meningkatkan prestasi dan kecemerlangan universiti ini secara keseluruhannya.

Juga penghargaan peribadi saya kepada semua urus setia pelaksana yang bertungkus-lumus bagi

memastikan Amanat Naib Canselor 2024 ini menjadi realiti.

Mudah-mudahan Allah SWT akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada kita dengan naungan keselamatan, kesejahteraan, kemakmuran, kesihatan dan kejayaan berpanjangan. Aamin.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*Majlis*

**AMANAT  
NAIB CANSELOR 2024**

16 Februari 2024 (Jumaat) | 9.00 Pagi | Dewan Astaka, UMPSA Kampus Gambang



أونورسيتى مليسيا قبیغ السلطان عبد الله  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

**2K**

1. Keunggulan Akademia dan Kemampanan Pengurusan
2. Keunggulan Mahasiswa Rentas

**16 Februari 2024 (Jumaat)**

**4M**

1. Melestarikan Program Akademik
2. Merekayasa TVET Termaju
3. Melestarikan Citra Ilmu
4. Melestarikan Ekosistem Kondusif

**Inisiatif 2037**

Diterbitkan oleh:  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah